

bah

Mahathir - Perniagaan

LEBIH BANYAK AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DIJEMPUT KE MALTA

Daripada Wan A.Hulaimi

I

VALLETTA (Malta), 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malta Dr Eddie Fenech-Adami mahukan lebih banyak ahli perniagaan Malaysia datang ke sini untuk mengukuhkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.

Hasrat ini dinyatakan beliau dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang singgah di sini dan mengunjungi beliau sebelum menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Cyprus.

Dalam kunjungannya itu, Dr Mahathir membincangkan hubungan dua hala dan hasrat untuk memperluaskan kerjasama antara kedua-dua negara.

Dr Fenech-Adami memberitahu Dr Mahathir bahawa setakat ini ahli perniagaan dari Pulau Pinang, Albert Tan, mempunyai 21 peratus saham dalam sebuah bank tempatan, Lombard Bank dan beliau mahu melihat lebih banyak ahli perniagaan Malaysia datang ke sini.

Setakat ini, Malaysia dan Malta telah memulakan dua rangka kerja bagi perjanjian akan datang -- perjanjian mengelakkan cukai berganda dan perjanjian perkhidmatan udara yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 12 Okt. -- Lagi

▼18/10/21-55MST

CNS8858

R GB 18-10 00140 BC951

bah

Mahathir - Perniagaan 2 Valletta

Difahamkan Penerbangan Malaysia berminat untuk membuat persinggahan di lapangan terbang Malta, Luqa bergantung jika ia mendapat hak mendarat di Rome.

Semasa mengulas permintaan Dr Fenech-Adami untuk mengadakan lebih banyak hubungan perniagaan, Dr Mahathir berkata beliau turut mahu melihat lebih banyak ahli perniagaan Malaysia datang ke sini mengadakan hubungan dan menggunakan Malta sebagai pintu masuk ke Kesatuan Eropah dan pasaran Maghreb.

Malta kini ialah anggota bersekutu EC dan dijangka akan diberi keanggotaan penuh tidak lama lagi.

Sebagai satu lagi langkah ke arah kerjasama akan datang, Dr Fenech-Adami menawarkan kemudahan latihan bagi rakyat Malaysia di institut undang-undang maritim antarabangsa Malta yang dihubungkan dengan Universiti Malta.

Mengenai pelancongan, Dr Mahathir memberitahu Dr Fenech-Adami bahawa Malta belum lagi menceburi pasaran pelancongan di Asia dan Amerika Latin. -- Lagi

▼18/10/22-16MST

CNS8859

R GB 18-10 00124 BC952

bah

Mahathir - Perniagaan 3 (Akhir) Valletta

Semasa pertemuan itu, Perdana Menteri Malta juga menyatakan sokongan penuhnya terhadap Kumpulan Perundingan Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CCGTM) yang kini dipengerusikan Prof Omar Abdul Rahman dari Malaysia.

Yang turut hadir pada pertemuan itu di pejabat Perdana Menteri di Auberge de Castille itu ialah Pengarah Asia Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah Udara Malta.

Terdahulu, Dr Mahathir dan rombongannya melawat pusat perdagangan di daerah perindustrian San Gwan dan diberi taklimat Pengarah Perbadanan Perdagangan Eksport Malta (METCO) Encik Alex Agius Ceasareo.

Perdagangan antara Malaysia dan Malta amat kecil betjumlah kira-kita 0.01 peratus jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia. Malaysia membeli peralatan dan bahan makanan dari sini. -- Bernama.

WAH RON

▼18/10/22-27MST